

22 MAY 1996

Mahathir-Clinton

MALAYSIA SUMBANG AS\$10 JUTA UNTUK BELI SENJATA BAGI BOSNIA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 22 Mei (Bernama) -- Malaysia telah bersetuju untuk menyumbangkan AS\$10 juta (kira-kira RM25 juta) bagi pembelian senjata dan melatih tentera Bosnia mempertahankan negara Balkan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata demikian berikutan perjumpaannya dengan Presiden Bill Clinton di White House di sini hari ini.

Beliau memberitahu wakil media massa dari Malaysia bahawa langkah Malaysia itu dibuat setelah Clinton menghubunginya melalui surat. Dalam surat itu Presiden Clinton mengajak Malaysia memberi bantuan kewangan secara sukarela untuk tujuan pembelian senjata dan melatih tentera Bosnia supaya mereka dapat mempertahankan diri mereka.

Serentak dengan itu, Presiden Clinton telah meminta negara-negara Islam di Asia Barat supaya menyumbangkan AS\$100 juta untuk tujuan yang sama.

"Pendapat Clinton begitu berbeza dengan (pemimpin-pemimpin) Eropah yang berpendapat bahawa Bosnia tidak perlu diberi senjata," kata Dr Mahathir setelah bertemu muka selama 20 minit dengan Clinton, pertemuan kali kedua sejak Clinton memegang jawatan sebagai Presiden Amerika Syarikat pada 1993.

Sumbangan daripada kerajaan Malaysia buat pertama kalinya itu akan disampaikan kepada Bosnia "secepat mungkin," katanya.

Rakyat Malaysia yang begitu bersimpati terhadap penderitaan di Bosnia telah mendermakan berjuta-juta ringgit untuk meringankan sedikit tanggungan mereka.

Sementara itu terdapat kira-kira 1,500 anggota tentera Malaysia yang kini berkhidmat di Bosnia di bawah Pasukan Pelaksana (IFOR) yang dipimpin NATO.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas pertemuan 20 minit itu, Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Dali Hashim berkata pertemuan itu merupakan pertemuan yang sangat baik.

"Rakyat Amerika berasa seronok terhadap perhubungan baik antara kedua-dua pemimpin itu. Pertemuan mereka serta perhubungan surat itu membayangkan hasrat kedua-duanya untuk mengekalkan hubungan peribadi mereka," kata beliau.

Beliau berkata Clinton juga meminta pendapat Dr. Mahathir mengenai China dan meminta beliau menyatakan di Amerika bahawa China mesti terus turut terlibat dan tidak memencilkan diri demi kepentingan keamanan dan keselamatan di rantau itu.

Dr. Mahathir yang telah lama menegaskan pentingnya dialog dalam menyelesaikan masalah antarabangsa, juga mengucapkan tahniah kepada Clinton kerana bersetuju melanjutkan status Negara Pilihan Utama kepada China untuk satu tahun lagi.

Seorang jurucakap White House berkata perbincangan kedua-dua pemimpin itu sebahagian besarnya berkisar pada soal China.

Kedua-duanya bersetuju bahawa bagi kepentingan China dan jiran-jirannya, adalah lebih baik untuk mereka bekerja bersama-sama dan turut melibatkan China daripada memencilkannya.

"Memandangkan kepada saiznya dan potensinya, ia mempunyai kemungkinan untuk menjadi negara yang hebat dalam peringkat awal abad ke-21," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata beliau juga menyampaikan rasa terharunya terhadap pembunuhan orang awam di Lubnan oleh Israel dalam usahanya untuk mengajar pihak Hamas dan meminta Amerika Syarikat supaya menasihatkan Israel.

Beliau menyifatkan persahabatannya dengan Clinton sebagai agak baik kerana sering berutus surat apabila timbul isu-isu antarabangsa.

Dr. Mahathir hari ini mempunyai sembilan pertemuan termasuk dengan anggota kongres Amerika, ketua-ketua korporat Amerika dan antarabangsa serta para pelajar Malaysia.

Di KUALA LUMPUR, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata Malaysia tidak menjangka menghadapi masalah dalam melatih tentera Bosnia kerana negara ini mempunyai pengalaman luas berkhidmat di negara Balkan itu di bawah Unprofor dan Ifor.

Beliau berkata Malaysia sanggup berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan tentera Bosnia agar mereka dapat mengawasi dan memastikan keamanan dan kestabilan negara mereka.

Malaysia, katanya, berpendapat bahawa untuk mewujudkan suasana keamanan yang berkekalan di negara itu, perlu ada keseimbangan ketenteraan selain pembangunan semula ekonomi dan sivil yang sedang dijalankan sekarang.

Syed Hamid berkata Angkatan Tentera Malaysia mempunyai kemudahan seperti Kolej Angkatan Tentera untuk melatih anggota tentera Bosnia.

-- BERNAMA